

PENANGGUHAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH: CABARAN DAN PENYELESAIAN

Raihanah Abdullah*

ABSTRACT

The media plays an important role in circulating appropriate information to the public. In the mid-1990s, the media associated many issues pertaining Islamic Legislation to the Syariah Court in Malaysia. The said matter arose due to dissatisfaction of the public especially women; who are frustrated with the justice administration of the Syariah Court. Among the issues brought up were delays by the Syariah Court in resolving cases. This situation has caused oppressive in women. The way media described the issue gave negative impression to the image of the Syariah Court as the Islamic Institution of Justice in Malaysia. This has caused many parties to peruse in obtaining further details of the situation. As a result, various positive steps are taken by the authorities to upgrade the administration quality in the Syariah Court. This refers specifically on the settling adjourned cases in the Syariah Court. Based on current studies, there are lesser comments made upon the Syariah Court as reported by the local medium especially on the issue of cases adjournment. Hence, this paper aims to argue the fact that despite the heavy criticism and bad images crafted towards the Syariah Courts, the media, NGOs and the women themselves undoubtedly became the pressure group that contributed to the upgrade of the justice administration in the Malaysian Syariah Court.

* Associate Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, raihanah@um.edu.my.

Keywords: *adjourned cases, Shariah Courts, ṣulḥ, Muslim women*

PENDAHULUAN

Pada tahun 1996, sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris dalam lidah pengarangnya telah membuat satu kenyataan yang begitu sinis terhadap Mahkamah Syariah dan mengkritik kredibiliti Institusi tersebut dalam melaksanakan Undang-Undang Islam di Malaysia. Kenyataan dalam lidah pengarang tersebut bukan sahaja menggambarkan Mahkamah Syariah berada pada kedudukan kelas kedua berbanding dengan Mahkamah Sivil tetapi juga meletakkan kedudukan Syariah di Malaysia lebih rendah berbanding dengan undang-undang Sivil yang berasaskan prinsip *common law*. Kenyataan-kenyataan seperti “*the Syariah’s secondary status in the nation’s main corpus of law*” dan juga imej Mahkamah Syariah sebagai “*the kangaroo tribunal of peeping toms and probate officials*” dinyatakan pada 23 Julai 1996 dalam akhbar New Straits Times telah memberi satu tamparan yang hebat kepada mereka yang terlibat dalam dunia kehakiman dan guaman Islam di Malaysia.

Seminggu selepas kenyataan sinis tersebut, Salleh Buang seorang peguam ternama telah mengulas kenyataan sinis tersebut dalam ruangan Peguam Menulis, akbar Utusan Malaysia. Beliau menyatakan apa yang dimaksudkan dengan gambaran Mahkamah Syariah sebagai “*the kangaroo tribunal of peeping toms and probate officials*” adalah di mana ianya adalah sebuah mahkamah yang tidak mempunyai peraturan yang teratur dan tidak mengamalkan prinsip keadilan. Ianya juga adalah sebuah mahkamah yang hanya membicarakan kes-kes khalwat di mana pihak-pihak tertentu menggunakan pendekatan mengintip dan mengintai bagi mendakwa mereka di Mahkamah Syariah. Inilah imej Mahkamah Syariah yang dipaparkan oleh akhbar tersebut dan Salleh Buang merasakan bahawa ramailah pembaca akhbar tersebut akan terpengaruh dan mempercayai apa yang mereka baca sebagai seratus peratus betul.¹

Walaupun Mahkamah Syariah telah melalui pelbagai perubahan dari segi pentadbiran, bidang kuasa, personel dan juga taraf, namun ia secara berterusan masih lagi menerima kritikan daripada pelbagai pihak. Kritikan yang dibuat selalunya menampakkan seolah-olah Mahkamah Syariah banyak kelemahannya. Antara teguran dan kritikan yang sering dipaparkan dalam media massa adalah Mahkamah Syariah tidak cekap dalam pengendalian pentadbiran keadilannya, personel mahkamah yang tidak profesional, banyak

¹ Utusan Malaysia, “Imej Mahkamah Syariah di Malaysia”, 30 Julai 1996.

kes-kes tertangguh² dan juga bias terhadap pelanggan utamanya iaitu “wanita” seperti “*Bias against women must stop - Shariah Court continued to treat women unfairly and often made decisions in favor of men, mainly because of the chauvinistic attitudes of the officers*”.³ Akibatnya masyarakat yang tidak terlibat dengan Mahkamah Syariah pun akan merasa marah dengan situasi ini sehinggakan mereka kadangkala terikut-ikut untuk mengkritik Mahkamah Syariah.⁴

Bagaimanapun di sekitar pertengahan tahun 2000, kritikan kepada Mahkamah Syariah atau *court bashing* semakin berkurangan paparannya di dalam media-media. Kalau ada pun kaitan dengan Mahkamah Syariah yang dipaparkan dalam media, adalah berkaitan dengan kes-kes yang sedang dibicarakan dan juga perbincangan berkaitan dengan undang-undang tertentu. Keadaan ini telah menunjukkan satu petanda awal yang positif ke arah usaha yang telah diambil oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah di Malaysia dan juga penerimaan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah. Walaupun tidak dinafikan masih ada lagi ketidakpuasan hati orang ramai terhadap proses dan pelaksanaan undang-undang tersebut yang telah disuarakan di dalam beberapa seminar-seminar dan bengkel-bengkel yang diadakan sama ada oleh orang perseorangan mahupun pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) tertentu, namun perbincangan mereka bukan lagi bertujuan untuk menghentam dan mengkritik Mahkamah Syariah (*Syariah Court bashing*).⁵ Sebaliknya penekanan perbincangan adalah lebih kepada mengenalpasti masalah-masalah yang berbangkit dari pelaksanaan Undang-undang Islam di Mahkamah Syariah dan bagaimana penyelesaiannya.

Oleh itu artikel ini bertujuan untuk membincangkan salah satu daripada paparan media tentang kelemahan Mahkamah Syariah dalam sistem pentadbiran keadilannya apabila terdapat banyak penangguhan kes-kes di Mahkamah Syariah. Paparan media tentang isu penangguhan kes di Mahkamah Syariah telah memberikan kesan negatif kepada wanita. Ini adalah kerana ‘pelanggan utama’ Mahkamah Syariah adalah kaum wanita yang datang ke

² Lihat dalam Zaleha Kamarudin (1999), “Delays in Disposition of Matrimonial Cases in the Shariah Courts in Malaysia (1990-1997)”, *IJUM Law Journal*, vol.7, No. 1, 1999, h. 98.

³ New Straits Times, “Syariah Court Officers Need More Exposure, Say Anwar, Bias Against Women Must Stop”, 26 Ogos 1996.

⁴ Utusan Malaysia, “Kelemahan Institusi Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor Dikaji”, 14 September 2002.

⁵ New Straits Times, “Consistency Needed in Syariah Court”, 19 Disember 1999.

mahkamah untuk mendapatkan hak dan perlindungan sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh undang-undang.⁶

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian lepas telah dibuat bagi mengenalpasti punca-punca penangguhan sesuatu kes di Mahkamah Syariah. Kajian-kajian tersebut adalah berdasarkan kepada kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Pendekatan yang digunakan ini bagi mengenalpasti jangkamasa penyelesaian kes, bermula dari pendaftaran sehinggalah perintah dikeluarkan. Semua tarikh-tarikh penangguhan dan sebab-sebab kepada penangguhan tersebut dicatat. Lazimnya kes-kes yang khusus seperti perceraian telah dijadikan sampel dalam kajian-kajian tersebut.

Dalam kajian Zaleha Kamaruddin, beliau telah mengkaji kes-kes penangguhan di Mahkamah Syariah dengan menganalisis statistik kes-kes kekeluargaan bagi tahun 1990-1997 mengikut klasifikasi status kes iaitu pendaftaran kes, kes selesai dan juga kes tangguh. Dari statistik ini, Zaleha telah menghubungkan jumlah kes-kes tersebut dengan beban tugas dan jumlah Hakim-hakim di negeri-negeri yang dikaji. Apa yang dapat disimpulkan daripada kajian beliau adalah bahawa kes-kes penangguhan berlaku di Mahkamah Syariah kerana wujud ketidakseimbangan antara jumlah kes-kes yang didaftarkan dengan jumlah sebenar Hakim-hakim yang ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes tersebut. Walaupun statistik tersebut merangkumi keseluruhan kes-kes kekeluargaan iaitu pengesahan nikah, permohonan poligami, permohonan wali hakim, perintah taat, *farak nikāh*, cerai, tuntutan nafkah, harta sepencarian, faraid dan hadanah, namun tidak dapat dipastikan secara khusus dan terperinci apakah kesemua kes-kes kekeluargaan ini terlibat dengan penangguhan sehingga berlaku kelewatan dalam pengendalian kes-kes di Mahkamah Syariah yang boleh memberikan kesan negatif kepada pihak-pihak dalam prosiding tersebut.⁷

Dalam hal ini beberapa kajian khusus terhadap kes-kes tertentu telah dijalankan untuk mengupas isu kelewatan kes di Mahkamah Syariah. Beberapa

⁶ Maznah Mohamad (2000), "Islamic Family Law Reforms in Malaysia: Problems and Prospects for Women's Empowerment" in Maznah Mohammad (ed.) *Muslim Women and Access to Justice*, Penang: Women's Crisis Centre, h. 62.

⁷ Zaleha Kamaruddin (2001), "Wanita dan Kelewatan Kes di Mahkamah Syariah: Antara Realiti dan Persepsi" dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers, h. 38.

kajian mendapati bahawa lazimnya ketidakpuasan hati masyarakat khususnya wanita terhadap isu kelewatan kes banyak berlaku dalam kes-kes perceraian.⁸ Kajian yang lain yang menggunakan data-data daripada fail Mahkamah Syariah, sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Ahmad Hidayat Buang telah memberikan dapatan yang sama dengan kajian Zaleha Kamarudin. Kelewatan dalam penyelesaian kes bukan sahaja dalam kes-kes perceraian seperti talak, taklik, fasakh dan khuluk tetapi juga melibatkan kes-kes tuntutan selepas perceraian seperti nafkah anak/isteri, nafkah iddah, harta sepencarian, *mut'ah* dan hadanah. Kajian ini telah menghadkan tempoh tertentu iaitu satu tahun bagi permohonan perceraian dan dua tahun bagi sebarang tuntutan selepas perceraian. Sekiranya permohonan cerai, fasakh, taklik dan khuluk diselesaikan lebih dari tempoh satu tahun, maka kes sebegini dikategorikan sebagai lewat dalam menyelesaikan kes. Begitulah juga sekiranya tuntutan selepas perceraian diselsaikan lebih dari dua tahun maka tempoh ini dikira lewat.⁹

Manakala dalam kajian Nik Roslina Raja Ismail beliau telah dapat mengenalpasti tempoh penyelesaian bagi kes perceraian di kedua-dua Mahkamah Syariah dan Sivil. Kajian ini mendapati bahawa Mahkamah Syariah mengambil masa enam bulan untuk menyelesaikan kes-kes perceraian, manakala Mahkamah Sivil mengambil masa yang lebih lama iaitu sembilan bulan bagi menyelesaikan kes perceraian. Kajian ini telah membuktikan bahawa kedua-dua Mahkamah Syariah dan Sivil menghadapi isu kelewatan dalam menyelesaikan kes khususnya kes perceraian.¹⁰

⁸ Raihanah Abdullah (2001), "Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah" dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers, h. 117; Maznah Mohamed (1999), "Di mana berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam", dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negaraa ASEAN*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 241; Noor Aziah Mohd. Awal. (2001), "Divorce In Accordance With Islamic Law in Malaysia: Law And Practice", *IKIM Law Journal*, Vol. 5 No. 2.

⁹ Ahmad Hidayat Buang (2003), "Faktor-faktor Penangguhan Kes-kes Mal di Mahkamah Syariah di Malaysia Berasaskan kepada Fail-fail Kes Mahkamah", Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Projek Keberkesanan Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur, 21 Oktober 2003, h. 6.

¹⁰ Nik Roslina Raja Ismail, "Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa yang diambil Untuk Menyelesaikan Kes-kes Berhubung Perceraian serta Kekerapan Penangguhan Kes diantara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil", (Disertasi Diploma, Institut Pentadbiran Awam Negara), hh. 47-48.

Dapatan yang sama juga diperolehi melalui kajian Noor Aziah Mohd Awal, di mana beliau telah mengkaji tentang kelewatan kes di Mahkamah Rendah Syariah, Petaling Jaya dengan melihat kepada kes-kes perceraian dan pembubaran perkahwinan di bawah Seksyen 45, 47, 50 dan 52, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Negeri Selangor, 1984 yang keseluruhannya berjumlah 150 kes. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa sebanyak satu kes atau 0.6% diselesaikan dalam tempoh satu tahun, dan kebanyakan kes yang dikaji iaitu 93.7% atau 141 kes diselesaikan dalam tempoh enam bulan. Kes-kes ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat kerana kes tersebut tidak mempunyai sebarang bantahan dari mana-mana pihak yang terlibat dalam prosiding. Kedua-dua suami dan isteri bersetuju untuk bercerai.¹¹

Daripada kajian-kajian yang dijalankan didapati bahawa kes-kes seperti permohonan poligami, permohonan wali hakim umpamanya tidak mengalami sebarang kelewatan dalam menyelesaikan kes. Kelewatan dalam menyelesaikan kes permohonan poligami adalah jarang berlaku kerana lazimnya kes-kes sebegini dapat diselesaikan dalam tempoh satu hari hingga tiga bulan. Ini adalah kerana dalam kajian yang dijalankan oleh Raihanah Abdullah, kes permohonan poligami dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat kerana lazimnya isteri bersetuju dengan permohonan suaminya untuk berpoligami atau sekiranya isteri tidak bersetuju, suami akan berkahwin di tempat yang lain kerana suami tidak mahu memanjangkan prosiding tersebut.¹²

Satu kajian yang dijalankan oleh pertubuhan wanita bukan kerajaan iaitu Sisters in Islam mendapati bahawa ramai wanita terutamanya yang berurusan dengan Mahkamah Syariah kecewa dengan prosiding dan proses keadilan Mahkamah Syariah.¹³ Proses perbicaraan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan dan penangguhan ke satu tarikh yang lain adalah tidak berasas. Wanita-wanita yang berurusan dengan mahkamah ini berpendapat bahawa kekerapan penangguhan kes sebenarnya membuang masa. Kekecewaan ini dirasakan oleh wanita-wanita ini kerana penangguhan kes dan kelewatan

¹¹ Noor Aziah Mohd. Awal (2001), "Divorce In Accordance With Islamic Law in Malaysia: Law and Practice", *IKIM Law Journal*, Vol. 5 No. 2, hh. 85-86.

¹² Raihanah Abdullah (2006), "An Analysis of the Current Legal Mechanism in Curbing Abuse of Polygamy in Malaysia: A Socio-legal Perspective", (Tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia), h. 324.

¹³ Sisters in Islam (1999), "Reports on Case Study: Women's Experiences in the *Shari'ah* Courts Proceedings (Special Reference to Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor)", h. 40.

menyelesaikan kes seperti perceraian melibatkan tekanan perasaan - marah, emosi dan kecewa. Lebih teruk lagi apabila penangguhan tersebut melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh mereka ini dalam usaha mereka untuk mendapatkan hak mereka sendiri ataupun hak anak seperti nafkah anak.¹⁴ Penangguhan sebegini boleh menjejaskan proses keadilan.

PENANGGUHAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH

Perkataan “*delay*” di dalam Black’s Law Dictionary, membawa maksud “*the act of postponing or slowing and also the period during which something is postponed or slowed*”.¹⁵ Ini bermakna bahawa penangguhan kes lazimnya melibatkan masa yang ditetapkan pada masa akan datang. Sekiranya penangguhan itu dikaitkan dengan kes-kes mahkamah maka ia bermaksud bahawa sesuatu kes yang sepatutnya diselesaikan pada tarikh tertentu tetapi perlu ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu. Walaupun dalam seksyen 123 Enakmen Prosedur Mal Selangor memperuntukkan bahawa penangguhan adalah sebahagian daripada prosedur namun sekiranya¹⁶ penangguhan ke satu tarikh yang lama dan tidak mempunyai sebarang asas kepada penangguhan tersebut maka keadaan ini boleh memberi kesan kepada proses keadilan.

Kes-kes tertangguh di mahkamah bukanlah suatu gambaran yang asing. Di Malaysia, sebuah akhbar tempatan melaporkan bahawa kes-kes tertangguh menjadi masalah bukan sahaja di Mahkamah Syariah tetapi juga di Mahkamah Sivil.¹⁷ Penangguhan sesuatu kes dari suatu tarikh ke tarikh tertentu sebenarnya adalah suatu tindakan yang dibenarkan dan diperuntukkan di dalam Undang-undang. Umpamanya dalam Seksyen 192 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 yang memperuntukkan bahawa:

¹⁴ Maznah Mohamad (2000), “Islamic Family Law Reforms in Malaysia: Problems and Prospects for Women’s Empowerment”, in Maznah Mohamad (ed.), *Muslim Women and Access to Justice: Historical, Legal and Social Experience in Malaysia*, h. 63.

¹⁵ Black’s Law Dictionary (1999), 7th edition. West Group, St Paul, h. 437. Maksud yang sama juga dapat dilihat dalam Collins English Dictionary, yang bermaksud “*put off to a later time; defer or to slow up, hinder or cause to be late*”, h. 349.

¹⁶ Seksyen 123, Enakmen Prosedur Mal Selangor .

¹⁷ Utusan Malaysia, “Mahkamah Keluarga...Mampukah Atasi Masalah Kes Tertangguh”, 17 April 2000.

“Pendengaran sesuatu permohonan boleh ditangguhkan dari semasa ke semasa, sama ada secara umum atau kepada suatu tarikh tertentu, mengikut mana-mana yang sesuai. Jika pendengaran itu ditangguhkan secara umum, maka pihak yang membuat permohonan itu boleh memasukkannya semula dengan memberikan notis dua hari genap sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran kepada semua pihak yang lain yang kepada mereka salinan permohonan itu telah disampaikan”.

Berdasarkan kepada peruntukan ini penangguhan sesuatu kes ke tarikh yang lain dalam beberapa keadaan adalah sangat berfaedah dan dapat memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding. Umpamanya untuk mendapatkan keterangan daripada pihak-pihak yang terlibat ataupun saksi-saksinya ataupun untuk mengeluarkan perintah penghakiman. Seksyen 100 Akta Tatacara Mal (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 memperuntukkan bahawa:

“Tertakluk kepada Akta ini dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, apa-apa fakta yang dikehendaki dibuktikan pada perbicaraan apa-apa prosiding melalui keterangan pihak-pihak atau saksi-saksi hendaklah dibuktikan dengan memeriksa pihak-pihak atau saksi-saksi itu secara lisan di dalam Mahkamah terbuka”.

Prosedur ini memberi ruang agar setiap keterangan yang diberi oleh pihak-pihak dan juga saksi-saksi mereka, perlu diperiksa secara lisan oleh mahkamah. Biasanya perbicaraan sesuatu kes akan berpanjangan dan penangguhan tidak dapat dielakkan.

Bagaimanapun tidak dinafikan juga bahawa penangguhan sesuatu kes kadangkala boleh menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang terlibat. Lebih malang lagi apabila keadilan sebenar tidak dapat dicapai. Lazimnya kes-kes yang melibatkan kekeluargaan merupakan kategori kes yang mana penangguhan kes boleh memberikan kesan negatif kepada wanita. Dalam kajian yang dijalankan oleh Sharifah Zaleha umpamanya, menunjukkan bahawa wanita kadangkala terpaksa menunggu beberapa tahun hanya untuk mendapatkan keputusan dan perintah daripada Mahkamah Syariah dalam kes-kes seperti perceraian, hak jagaan anak dan juga hak-hak berbangkit dari perceraian.¹⁸ Kes-kes sebegini jika berlaku penangguhan oleh Mahkamah Syariah ke satu jangka masa

¹⁸ Sharifah Zaleha Syed Hassan (1986), “Women, Divorce and Islam in Kedah”. *Sojourn*, 2: 183.

yang lama boleh memberikan kesukaran kepada wanita dari segi kewangan, tanggungan dan juga emosi mereka.

Di Malaysia, di sesetengah Mahkamah Syariah, terdapat statistik yang menunjukkan tentang status sesuatu kes bagi tahun-tahun tertentu. Salah satu status yang dikenalpasti adalah kes-kes tertanggung. Kajian di Mahkamah Syariah Kota Baharu Kelantan menunjukkan bagi tahun 1999 terdapat 1,288 kes talak dan tebus talak, 459 kes taklik dan 18 kes fasakh yang tertanggung. Manakala pada tahun 2000 pula sebanyak 1,375 bagi kes talak dan tebus talak, 668 kes taklik dan 25 kes fasakh yang tertanggung¹⁹. Umpamanya statistik yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Selangor menunjukkan bahawa kes-kes penangguhan bukan sahaja melibatkan kes-kes Mal iaitu yang berkaitan dengan hal ehwal perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara yang berbangkit darinya tetapi juga melibatkan kes-kes jenayah. Biasanya jumlah kes-kes Mal yang ditanggung adalah melebihi kes-kes Jenayah. Daripada sejumlah kes-kes Mal yang ditanggung, didapati bahawa kebanyakannya melibatkan kes-kes perceraian. Isu rungutan terhadap penangguhan kes lazimnya tidak berlaku dalam kes-kes jenayah Syariah yang disabitkan di bawah Enakmen Jenayah Syariah seperti khalwat, tidak menghormati bulan Ramadan, meminum arak dan sebagainya. Ini adalah kerana lazimnya orang yang dituduh akan terus membuat pengakuan bersalah atau pun kalau berlaku penangguhan ke suatu tarikh yang lain, tidak akan menimbulkan ketidakadilan dan tidak akan menjejaskan emosi orang yang dituduh.

Pada pertengahan 1990an, Mahkamah Syariah telah dikritik kerana ia melibatkan penangguhan yang agak lama di Mahkamah Syariah. Kes yang mendapat liputan akhbar adalah kes *Aida Melly Tan Mutalib*²⁰ yang melibatkan kes kekeluargaan iaitu perceraian dan nusyuz. Kes beliau bukan sahaja mendapat perhatian akhbar harian dan majalah bulanan namun juga mendapat perhatian pertubuhan-pertubuhan wanita yang membela kes Aida Melly kerana dikatakan teraniaya akibat dari kelemahan pentadbiran Mahkamah Syariah terutama apabila berlaku kelewatan dalam penyelesaian kesnya. Dalam kes *Khairul Anuar bin Kamaruddin lwn Aida Melly Tan Mutalib*, Mahkamah Tinggi Syariah di Selangor telah memutuskan dengan menolak rayuan perayu iaitu Khairul Anuar bin Kamaruddin kerana perayu tersilap mengemukakan tuntutan di bawah seksyen 59(2) – efek nusyuz terhadap nafkah yang mana sepatutnya perayu mengemukakan permohonan di bawah seksyen 129 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984 (Enakmen 1984) iaitu

¹⁹ Utusan Malaysia, “Lewat Selesai Kes...Bebankan Wanita”, 17 Jun 2002.

²⁰ [2008]1 ShLR 85.

di bawah bahagian kesalahan jenayah terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan di bawah seksyen 59(2), Enakmen 1984. Mahkamah seterusnya memutuskan bahawa seksyen 129 Enakmen 1984 adalah merupakan kesalahan terhadap isteri yang tidak mengikut perintah suami atau yang dikenali dengan istilah nusyuz dan seksyen 129 dibaca bersama dengan seksyen 59 (2)(a),(b) dan (c). Di samping itu perayu telah gagal mengemukakan dua orang saksi untuk mensabitkan dakwaannya bahawa isterinya telah berlaku nusyuz. Terdahulu, dalam kes mal bil: 82/96, perayu (suami) telah mengemukakan permohonan nusyuz terhadap responden di bawah seksyen 59(2), Enakmen 1984 di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, manakala responden pula dalam kes mal bil: 142/97 telah memfailkan permohonan tuntutan cerai sabit taklik di bawah seksyen 50 Enakmen 1984. Y.A Hakim telah menolak dakwaan nusyuz perayu di bawah seksyen 59(2) sementara permohonan responden di bawah seksyen 50 adalah sabit dan gugurlah talaknya satu serta beriddah tiga kali suci mulai 12 Mac 1998.

Dalam kes ini, isu yang dibangkitkan sebagaimana yang dilaporkan dalam laporan Undang-undang adalah mengenai tuntutan sabit nusyuz dan taklik akibat dari isteri yang keluar rumah ekoran daripada berlakunya perbalahan rumahtangga. Bagaimanapun penangguhan dan kelewatan penyelesaian kes tidak disebut secara terang di dalam kes ini melainkan apa yang telah dilaporkan di dalam akhbar-akhbar tempatan dan juga majalah bulanan. Ini dapat dilihat umpamanya dalam Majalah Muslimah keluaran Oktober 1999 yang telah melaporkan kronologi kes tersebut yang membabitkan isu penangguhan. Secara ringkas latar belakang dan kronologi kes *Aida Melly Tan Mutalib* ini sebagaimana yang telah dipetik daripada Majalah Muslimah adalah seperti berikut:

Pernikahan Aida Melly bersama suaminya Khairul Anuar Kamaruddin pada 3 Jun tahun 1988 di Petaling Jaya tidak pernah mengecapi kebahagiaan. Hasil perkahwinan beliau telah dikurniakan seorang cahaya mata perempuan bernama Kamilia Nisha yang dilahirkan pada 1993 selepas 5 tahun perkahwinan mereka. Suami bekerja sebagai jurutera pembinaan manakala isteri merupakan suri rumah sepenuh masa.

Beliau sering didera secara fizikal dan mental. Semasa beliau mengandungkan anak sulungnya beliau sekali lagi telah dipukul di sebuah pusat membeli belah apabila bertanyakan tentang perbelanjaan anak. Pada tahun 1995, beliau telah terus diperlakukan sedemikian dan dalam masa yang sama suaminya telah berkahwin lain di Kota

Bharu Kelantan bersama Puan Mardiah bte Mohamad tanpa keizinan isteri pertamanya. Hasil perkahwinan dengan isteri kedua, suami telah mendapat seorang cahaya mata lelaki bernama Tariq Akil yang dilahirkan pada 16 Mei 1996.

Keadaan ini telah menyebabkan beliau tidak tahan dengan kelakuan suaminya dan telah mengadu ke Pejabat Agama. Pada awal tahun 1996 satu sesi kaunseling telah diadakan dan beliau tidak berpuas hati dengan perjalanan sesi kaunseling serta laporan yang disediakan oleh Jabatan Agama. Di sekitar awal tahun 1996 ini juga suaminya telah menfailkan kes nusyuz terhadap Aida Melly. Bagaimanapun peguam yang mewakilinya tidak membuat tuntutan balas terhadap tuduhan nusyuz sebaliknya menfailkan tuntutan cerai fasakh. April 1996 Y.A Hakim telah mengeluarkan perintah tegahan di mana Aida dan keluarganya tidak dibenarkan mengganggu, menceroboh dan mengacau suaminya ketika melawat anak mereka. Pada pertengahan tahun tersebut pula, beliau telah membuat permohonan untuk mendapatkan perintah injunksi yang dipohon secara ex-parte dan hadanah anak di bawah kes induk iaitu fasakh. Ini adalah kerana suaminya telah melakukan gangguan terhadap diri dan jirannya. Bagaimanapun suaminya telah membalas kembali dengan membuat permohonan memenjarakan bapa, ibu dan Aida sendiri dengan tuduhan mengingkari dan menghina perintah tegahan. Y.A Hakim bersetuju untuk tidak memenjarakan mereka.

Setelah berunding beberapa individu, pada September 1996, beliau telah meminta peguamnya untuk meminda permohonan daripada cerai fasakh kepada cerai taklik. Peguamnya tidak mahu menukar kes tersebut dan menasihatinya supaya kembali ke pangkuan suaminya. Pada awal tahun 1997, Aida telah memecat peguamnya dan semenjak dari itu, beliau tidak menggunakan sebarang khidmat dari mana-mana peguam untuk membawa kesnya ke Mahkamah Syariah.

Pada Jun 1997, beliau telah menfailkan kes cerai taklik di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling. Di antara September hingga Disember, perbicaraan tidak dapat dijalankan memandangkan suaminya tidak hadir. Sementara itu Penolong Pendaftar Mahkamah telah mengemukakan saman nusyuz pada tahun 1996 kepada Aida. Beliau telah menfailkan penyata pembelaan terhadap nusyuz tersebut. Perjalanan kes berlarutan dengan mengemukakan segala dokumen dan

empat orang saksi lelaki untuk menyokong kesnya. Pada 12 Mac 1998, Y.A Hakim telah menjatuhkan cerai taklik dan Aida tidak disabitkan nusyuz. Suami beliau tidak berpuashati dan telah menfailkan Notis Rayuan terhadap keputusan Y.A Hakim dan memohon penangguhan pelaksanaan perintah cerai taklik. Permohonan suaminya dibenarkan pada 28 Disember 1998.

Pada Januari 1999, Aida telah menfailkan Notis Rayuan terhadap permohonan penangguhan pelaksanaan perintah. 20 April 1999, Aida telah menyerahkan catatan bicara setebal 74 muka kepada mahkamah. Perbicaraan ditangguhkan bagi membolehkan Mahkamah meneliti catatan bicara tersebut. Pada 13 September 1999, perbicaraan diteruskan berkaitan dengan rayuan penghakiman Y.A Hakim Mahkamah Rendah Syariah terhadap penghakiman yang tidak mensabitkan beliau nusyuz. Notis Rayuan ini yang telah difailkan pada 20 Mac 1998 tetapi Petisyen Rayuannya difailkan pada 19 Jun 1999 iaitu lebih kurang 1 tahun 3 bulan dari tarikh menfailkan Notis Rayuan. Bagaimanapun kes tersebut terpaksa ditangguhkan kepada 3 Januari 2000 kerana pihak kena rayu (bekas suaminya) dan peguamnya tidak hadir.

Perjalanan kisah Aida Melly sebagaimana yang dilaporkan dalam majalah bulanan ini menampakkan kes beliau melibatkan lebih daripada satu kes. Tindakan beliau untuk membuat beberapa tuntutan ke Mahkamah Syariah melibatkan kedua-dua iaitu kes-kes berbangkit daripada kausa tindakan lain dan juga permohonan tuntutan yang didaftarkan sebagai kes induk. Ringkasnya kes-kes dalam permohonan Aida Melly ke Mahkamah Syariah antara lain melibatkan kes nusyuz, hadanah (hak jagaan anak), permohonan fasakh, pindaan seksyen, permohonan injunksi dan juga rayuan. Dari sini jelas sekali bahawa tidak hairanlah sekiranya Aida Melly terpaksa berulang alik ke Mahkamah Syariah beberapa kali yang bukan sahaja bertujuan untuk mengemukakan permohonan-permohonan tertentu tetapi juga terpaksa menghadapi penangguhan ke tarikh-tarikh tertentu. Setelah lama berurusan dengan Mahkamah Syariah, salah satu keputusan yang menggembirakan beliau adalah sebagaimana yang dilaporkan dalam Akhbar harian pada 19 April 2000 bahawa Mahkamah Syariah mengekalkan keputusan Aida tidak nusyuz.

Dalam penghakiman kes yang lain iaitu kes *Abdul Hanif lwn Rabiah*,²¹ Y.A.A Hakim Dato' Sheikh Ghazali memberi penghakiman mahkamah dengan menyebut:

“Ini adalah kes yang sangat sedih di mana isteri (yang selepas ini dinamakan sebagai responden) mencuba mendapatkan perceraian dari suaminya (selepas ini dinamakan sebagai perayu), dari Februari 1989 akan tetapi sayangnya kesnya telah dilengahkan dan dilambatkan dan sekarang sungguhpun sudah lebih dari tujuh tahun kemudian dia belum lagi mendapat perceraian itu”.

Dalam penghakiman itu juga Y.A.A Hakim telah menyebut terdapat beberapa penangguhan semasa prosiding perceraian tersebut di peringkat Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan yang mulai disebut pada 22 Ogos 1989. Antara sebab-sebab penangguhan kes ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Y.A.A Hakim adalah pihak-pihak dalam pertikaian tersebut tidak hadir semasa prosiding sedang berjalan. Y.A.A Hakim menyatakan:

“Kerana ketidakhadiran pihak dalam kes atau ketidakhadiran peguam-peguam Syarie atau oleh kerana dikatakan ada rundingan dibuat untuk perdamaian dan kes ini mulai didengar pada 2 Februari 1991”.

Kes ini telah menunjukkan bahawa penangguhan perbicaraan adalah disebabkan bukan sahaja kerana ketidakhadiran pihak-pihak yang terlibat dalam kes tersebut tetapi juga kerana ketidakhadiran peguam-peguam Syarie yang mewakili mereka ke mahkamah. Kerana itu tempoh di antara tarikh sebutan dan perbicaraan kadangkala mengambil masa hampir dua tahun. Tempoh ini boleh dianggap sebagai tidak munasabah apatah lagi fakta kes menunjukkan bahawa isteri memohon perceraian atas alasan suami menganiayanya.

Seterusnya melalui penghakiman tersebut Y.A.A Hakim telah menyatakan tarikh-tarikh kes tersebut didengar sehinggalah ke peringkat Mahkamah Rayuan Syariah.

“Selepas itu kes didengar dari masa ke semasa hingga 11 Mei 1994 apabila Hakim Mahkamah Rendah Syariah telah memberi keputusannya menolak tuntutan responden (isteri). Responden telah merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Rayuan telah didengar pada 21 November 1995 dan Hakim Mahkamah Tinggi telah memberi penghakimannya membenarkan rayuan itu. Perayu (suami) pula merayu

²¹ Abdul Hanif lawan Rabiah (1996)11 JH 47.

kepada Mahkamah Rayuan Syariah dan oleh kerana mengambil masa menyiapkan rekod rayuan, kes itu hanya telah didengar pada 18 Jun 1996”.

Akhirnya Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini telah bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang membenarkan isteri untuk membubarkan perkahwinannya dan seterusnya menolak rayuan ini (suami). Y.A.A Hakim sekali lagi menyebut berkaitan ketidakhadiran suami ketika rayuan kes ini didengar.

“Dia juga tidak hadir apabila kes rayuan ini didengar pada Jun 1995, walaupun Peguam Syariannya cuba membelanya dengan memberi alasan bahawa dia tidak diberitahu dengan tarikh rayuan itu didengar”.

Ternyata bahawa penangguhan kerana ketidakhadiran pihak dalam kes ini telah menimbulkan penganiayaan kepada isteri bukan sahaja dari segi emosinya malah turut juga melibatkan masa dan kewangan.

Begitu juga dalam kes yang lain iaitu kes *Abdul Rahman bin Shafie lwn. Husna binti Senawi dan seorang lagi*²² iaitu berkaitan dengan penjagaan anak, Mahkamah Rayuan Syariah dalam penghakimannya telah menyebut penangguhan kes ini disebabkan oleh ketidakhadiran.

“Yang menuntut telah merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah. Sayangnya rayuan itu telah tertangguh dari masa ke semasa oleh kerana ketidakhadiran sesuatu pihak atau yang lain dan akhirnya kes ini didengar oleh Mahkamah Rayuan Syariah pada 18 April 1998”.

Kes ini telah mengambil masa lebih kurang 4 tahun daripada tarikh tuntutan dikemukakan sehinggalah ke tarikh keputusan oleh Mahkamah Rayuan.

Dalam satu kajian yang dijalankan Sisters in Islam bagi mendapatkan persepsi dan pengalaman wanita dalam prosiding Mahkamah Syariah mendapati bahawa, kebanyakan rungutan kaum wanita tentang penangguhan kes mereka adalah melibatkan kes-kes perceraian. Umpamanya dalam laporan Sisters in Islam yang dibentangkan dalam satu Bengkel pada 13-14 November 1999, mereka menyenaraikan pandangan wanita tersebut antara lainnya:²³

²² JH Jld xii,(II), 231.

²³ Sisters in Islam (1999), *Laporan Hasil Kajian Kes: Pengalaman Wanita dalam Prosiding Mahkamah Syariah (Dengan Tumpuan Utama Kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor)*, h. 40.

- a) Proses perbicaraan panjang dan banyak penangguhan adalah tidak berpatutan dan membuang masa isteri.
- b) Proses yang panjang dan lambat, adakala ditangguhkan kerana suami tidak hadir, peguam tidak hadir dan pentadbiran yang tidak cekap.
- c) Penyelesaian kes mengambil masa yang lama.
- d) Tuntutan mengambil masa yang agak lama untuk selesai, dan walaupun kes perceraian selesai, soal wang dan harta belum selesai.

Manakala dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Nik Roslini Raja Ismail yang membandingkan antara jangkamasa yang diambil oleh Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam menyelesaikan kes-kes perceraian mendapati bahawa tempoh penyelesaian kes perceraian di Mahkamah Syariah adalah lebih pendek iaitu kurang daripada enam bulan berbanding dengan Mahkamah Sivil iaitu sembilan bulan. Walaupun tempoh penyelesaian kes perceraian di Mahkamah Syariah lebih pendek berbanding dengan Mahkamah Sivil namun dari segi kekerapan penangguhan, Mahkamah Syariah lebih kerap membuat penangguhan berbanding Mahkamah Sivil. Beliau juga mendapati bahawa punca utama berlakunya penangguhan di Mahkamah Syariah adalah kerana ketidakhadiran salah satu pihak sama ada di peringkat sebutan mahupun di peringkat perbicaraan.²⁴ Oleh yang demikian tidak hairanlah jika ada pihak yang mencadangkan agar waran tangkap dikeluarkan kepada pihak suami yang gagal hadir kerana ketidakhadiran mereka ke mahkamah atas alasan yang tidak kuat.²⁵

Kes-kes perceraian di Mahkamah Syariah sering berlaku penangguhan disebabkan oleh beban pembuktian (*burden of proof*) yang berat. Beban membuktikan sesuatu tuntutan perceraian secara taklik dan fasakh adalah berat. Sehingga ada yang beranggapan bahawa untuk membuktikan bahawa suami telah melanggar mana-mana peruntukan yang berkaitan adalah seolah-olah seperti pembuktian dalam kes-kes jenayah.²⁶

Y.A.A Hakim dalam kes *Abdul Hanif lwn Rabiah* telah dengan hormatnya tidak bersetuju pendapat Hakim Mahkamah Tinggi Syariah apabila beliau berkata:

²⁴ Nik Roslina bt Raja Ismail (1999), "Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa yang diambil untuk Menyelesaikan Kes-kes berhubung Perceraian serta kekerapan Penangguhan Kes di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil," Modul Praktikum, Diploma Pengurusan Awam, INTAN, hh. 48-49.

²⁵ Utusan Malaysia, "Kes Tertangguh Tangani Dengan Bijak", 20 Ogos 2002.

²⁶ Raihanah Abdullah (1997), "Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh", *Jurnal Syariah*, 5(1): 51.

“Mahkamah sependapat dengan keputusan Hakim menolak kes ini tentang pembuktian. Pembuktian adalah beban tanggungjawab pihak pemohon. Oleh kerana pihak pemohon tidak dapat mengemukakan dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan pihak pemohon telah gagal mengikut kesaksian yang boleh diterima menjadi saksi mengikut Hukum Syarak”.

Y.A.A Hakim Dato’ Sheikh Ghazali dalam penghakimannya menyatakan bahawa sesuatu yang tidak munasabah bagi seorang isteri yang didakwa telah dipukul suaminya mengadakan saksi-saksi sebagaimana yang dikehendaki dalam surah al-Baqarah ayat 282 kerana “mustahil seorang suami apabila dia memukul isterinya akan memanggil dua orang saksi lelaki atau dua orang saksi perempuan dan seorang saksi lelaki untuk menyaksikan pukulan itu”.

Dalam kes seperti ini, keterangan yang diperlukan adalah sebagai *bayyinah* dan bukannya *shahādah*. Sekiranya Mahkamah Syariah masih menekankan pembuktian dalam bentuk *shahādah*, maka bagaimana pula kes seorang isteri muallaf yang dipukul suaminya sedangkan yang menyaksikan perbuatan itu adalah ibu bapa kandungnya yang masih kekal dalam agama asal mereka? Bagaimanapun keputusan pembuktian dalam kes Abdul Hanif ini telah diikuti secara positifnya dalam kes *Shaheila Abdul Majid lwn. Roslan Abdul Aziz*.²⁷ Mahkamah Rendah Syariah membenarkan permohonan plaintif untuk mendapatkan perceraian secara taklik apabila mahkamah berpuas hati dengan keterangan daripada adik-beradik plaintif dan juga dokumen-dokumen lain.

Selain daripada itu, penangguhan kerap berlaku dalam kes-kes perceraian juga disebabkan untuk memberi ruang perundingan di antara pihak-pihak tersebut. Bagi sesetengah hakim, dengan berbuat demikian, mahkamah akan berpuas hati bahawa pelbagai langkah perundingan telah diambil sebelum perceraian dilafazkan. Sharifah Zaleha menyebut “*adjourning hearings may help estranged couples to reconcile with one another*”.²⁸

Dalam keadaan tertentu, wanita yang tidak dapat menanggung akibat penangguhan kes perceraian mereka akan akhirnya membuat beberapa tawaran kepada suaminya yang sedikit sebanyak akan merugikan mereka sendiri. Umpamanya mengubah tuntutan kepada khuluk²⁹ atau menggugurkan

²⁷ Jurnal Syariah 8:2 (2000), hh.155-160.

²⁸ Sharifah Zaleha (1986), “Women, Divorce and Islam in Kedah” ,*Sojourn*, h. 195.

²⁹ Maznah Mohamad (2000), “Islamic Family Law Reform in Malaysia: Problems and Prospects for Womens’s Empowerment”, dalam Maznah Mohamad (peny.), *Muslim Women and Access to Justice*, Penang : Women’s Crisis Centre h. 66.

kesemua hak-hak kewangannya selepas perceraian seperti nafkah iddah, *mut'ah* termasuk juga dalam sesetengah kes mereka menggugurkan hak mereka sebagai seorang penjaga dalam kes hadanah.³⁰

Antara sebab-sebab lain yang dikenalpasti menjadi punca penangguhan sesuatu kes adalah berlaku semasa di peringkat Pra Perbicaraan. Ini adalah di peringkat di mana segala proses yang dilakukan oleh mahkamah sebelum bermulanya perbicaraan. Antara masalah-masalah yang membawa kepada sesuatu kes tersebut ditangguh adalah saman yang tidak dapat disampaikan atau disempurnakan.

Seksyen 7 (1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 memperuntukkan bahawa:

“(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap prosiding mal hendaklah dimulakan dengan saman. Semua prosiding berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dimulakan dengan permohonan”.

Ini bermakna tiap-tiap prosiding mal hendaklah dimulakan dengan saman. Manakala prosiding mal yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Mal (Wilayah Persekutuan) ini adalah dimulakan dengan permohonan. Perkara-perkara yang tidak memerlukan saman adalah:

- a) Keizinan untuk melangsungkan perkahwinan seseorang orang belum dewasa.
- b) Perlantikan wali am.
- c) Perintah bagi pendaftaran perkahwinan yang dilangsungkan berlawanan dengan undang-undang.
- d) Anggapan kematian.
- e) Perlantikan penjaga harta seseorang orang belum dewasa.
- f) Perintah bagi penjagaan bersama harta seseorang orang belum dewasa.
- g) Perintah bagi pemecatan penjaga harta seseorang orang belum dewasa.
- h) Kebenaran bagi pelupusan harta seseorang orang belum dewasa.

³⁰ Raihanah Abdullah (2001), “Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah” dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers.

- i) Kebenaran untuk menyara seseorang orang belum dewasa daripada pendapatan hartanya.
- j) Perintah bagi penggunaan harta modal untuk menyara seseorang orang belum dewasa.
- k) Perintah larangan yang berhubungan dengan harta seseorang orang belum dewasa.
- l) Injunksi yang menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia.
- m) Perintah untuk mengetepikan dan injunksi yang menghalang, pelupusan harta untuk mengecewakan tuntutan nafkah.
- n) Injunksi terhadap perkosaan oleh suami atau isteri atau bekas suami atau isteri.
- o) Pengiktirafan perkahwinan yang diijabkabulkan di luar Wilayah-wilayah Persekutuan (pengakuteraan paterniti).
- p) Pengesahan pengakuteraan paterniti oleh perempuan dalam iddah (pembahagian harta pusaka).

Hanya perkara-perkara ini sahaja yang boleh dimulakan dengan permohonan. Manakala kes-kes yang lain perlu dimulakan dengan saman seperti permohonan perceraian, permohonan harta sepencarian, permohonan hak jagaan anak dan sebagainya.

Saman yang akan dikemukakan itu adalah berdasarkan kepada borang yang dinyatakan dalam Akta tersebut. Saman tersebut juga perlu disertakan dengan suatu pernyataan tuntutan yang ditandatangani oleh plaintif (pihak yang menuntut) atau Peguam Syariyenya. Pernyataan tuntutan ini mengandungi pernyataan yang ringkas dan padat dalam perenggan-perenggan yang bernombor, berkaitan dengan fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh pihak plaintif dan menunjukkan kausa tindakannya, butir-butir tuntutan yang mencukupi, suatu pernyataan tentang relif yang dituntut dan juga butir-butir mengenai apa-apa permohonan yang lain.³¹

Saman ini adalah sangat penting bagi memberitahu dan memaklumkan sebarang tuntutan yang dibuat ke atas seseorang itu. Di samping itu saman ini adalah untuk memberi peluang kepada pihak yang kena tuntutan untuk hadir membela diri dan menjawab segala tuntutan-tuntutan yang dikemukakan di dalam pernyataan tuntutan tersebut. Ini bermakna apabila pihak defenden menerima pernyataan tuntutan tersebut dan mempertikaikan tuntutan itu maka

³¹ Seksyen 63 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998.

ia boleh menyampaikan suatu pembelaan.³² Pembelaan tersebut juga hendaklah ditandatangani oleh pihak defenden sendiri ataupun oleh Peguam Syariahnya yang mana di dalam pembelaan itu mengandungi sama ada pengakuan atau penafian fakta-fakta dalam pernyataan tuntutan, menyatakan apa-apa fakta baru secara ringkas dan padat serta membangkitkan secara ringkas dan padat tanpa hujah apa-apa perkara berhubung dengan undang-undang yang perlu.³³

Saman yang telah lengkap hendaklah disampaikan kepada diri orang yang kepadanya saman hendak disampaikan.³⁴ Dalam beberapa keadaan kadang kala saman yang telah lengkap ini tidak dapat disempurnakan (tidak dapat diserahkan kepada pihak satu lagi). Keadaan ini berlaku disebabkan oleh alamat yang tidak lengkap dan tidak betul. Alamat yang salah ini terutamanya sekiranya pihak defenden tidak dapat dikesan kerana berpindah rumah akan menyebabkan saman tidak dapat disempurnakan. Oleh yang demikian pihak defenden gagal untuk menghadirkan diri ke Mahkamah Syariah pada hari yang ditetapkan untuk sebutan. Dalam hal begini biasanya Mahkamah Syariah boleh memerintahkan supaya saman itu disampaikan dengan cara menampalkan suatu salinannya di papan kenyataan mahkamah, atau di mana-mana bangunan yang mudah lihat atau mengikut apa cara yang difikirkan patut oleh mahkamah. Mahkamah Syariah juga boleh memerintahkan supaya penyampaian dibuat melalui iklan dalam mana-mana akhbar tempatan yang difikirkan patut oleh mahkamah.³⁵ Lazimnya saman ganti ini akan diiklankan di dalam akhbar-akhbar harian yang memaklumkan supaya pihak defenden menghadirkan diri ke Mahkamah Syariah. Proses ini sahaja sudah mengambil masa di antara 2-4 bulan atau 2 kali sesi kehadiran ke mahkamah. Sedangkan perkara asas tuntutan belum lagi bermula.

Selain daripada itu kadangkala pihak defenden enggan untuk menerima saman dan dokumen yang disertakan. Dalam hal ini saman dan dokumen yang enggan diterima itu akan ditinggalkan berhampiran dengannya.³⁶ Ada juga terdapat kes-kes di mana saman telah dapat disempurnakan tetapi pihak defenden enggan untuk menghadirkan diri ke mahkamah tanpa sebab-sebab yang jelas.

³² Seksyen 64 (2) Akta 1998.

³³ Seksyen 65 (1) Akta 1998.

³⁴ Seksyen 41 (1) Akta 1998.

³⁵ Seksyen 48 Akta 1998.

³⁶ Seksyen 42 Akta 1998

Kadangkala penangguhan ke satu tarikh yang lain adalah atas permintaan peguam sendiri. Ada beberapa sebab mengapa peguam memohon untuk menangguhkan kes. Antaranya ialah:

Peguam tersebut baru sahaja dilantik oleh anak guamnya. Dalam keadaan ini peguam tersebut memohon untuk menangguhkan kes tersebut untuk meneliti dokumen-dokumen yang baru diperolehinya. Ini bagi mempersiapkan dirinya sebelum menghadirkan diri ke mahkamah bagi meneruskan prosiding. Terdapat juga peguam memohon ke satu tarikh yang lain atas urusan peribadi. Ini berlaku sekiranya peguam tersebut sakit atau dia dalam masa yang sama mengendalikan kes-kes yang lain di Mahkamah Syariah yang lain atau di Mahkamah Sivil. Peguam memohon penangguhan apabila berlakunya pindaan terhadap tuntutan (seksyen). Umpamanya sekiranya permohonan asal adalah berkaitan dengan perceraian biasa iaitu di bawah Seksyen 47 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan semasa sebutan ternyata pihak suami enggan untuk menceraikan isteri tersebut dengan alasan-alasan tertentu, maka pindaan akan dibuat kepada seksyen-seksyen yang lain seperti seksyen 50 iaitu perceraian di bawah taklik atau janji atau seksyen 52 berkaitan dengan perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh. Dalam keadaan ini, pihak peguam perlu meneliti beberapa fakta dan dokumen bagi mengemukakan tuntutan di bawah seksyen yang baru.

Sebuah akhbar tempatan telah melaporkan bahawa seorang wanita telah menuntut harta ke atas bekas suaminya bernilai RM43 juta. Dalam kes ini isteri tersebut telah memohon penangguhan kes beberapa kali disebabkan oleh pertukaran peguam. Penangguhan tersebut dipercayai memberi peluang kepada pihak peguamnya untuk meneliti kes tersebut. Semasa laporan itu dibuat, peguam yang mewakilinya adalah yang kelima dan keenam. Seorang tokoh perundangan di Malaysia telah memberi ulasan terhadap kes-kes tertangguh dengan merujuk kepada kes ini dalam ruangan “Peguam Menulis” dalam akhbar Utusan Malaysia pada 4 Disember 2001 dengan menyebut:

“... apa yang mengejutkan dan mendukacitakan ialah perihal kes itu telah ditangguhkan berkali-kali atas alasan peguam pihak isteri belum bersedia untuk meneruskan kesnya”.

Penulis ruangan ini selanjutnya mengulas bahawa penangguhan kes ini yang dipohon oleh pihak isteri (plaintif) pada setiap kali kes hendak dibicarakan, mengambil strategi melantik peguam baru setelah memecat peguam ‘lamanya’. Cara begini dianggapkan oleh penulis dan rakan-rakannya sebagai ‘taktik lama’ untuk melambat-lambatkan kes sehingga menyebabkan mahkamah terpaksa menangguhkan perbicaraan beberapa kali. Di akhir perenggan ruangan

‘peguam menulis’ ini, penulis secara sinis telah menyatakan:

“...yang luar biasa (dan menjadi ironi) dalam kes yang sedang kita perkatakan ini ialah bahawa kes ini lambat diselesaikan dan terus menerus ditangguhkan atas permintaan isteri, bukan defenden (suami). Siapa kata wanita sentiasa berada di pihak yang lemah.”

Tidak kiralah siapa pun yang mengemukakan permohonan, sekiranya keadaan penangguhan kes-kes mal di Mahkamah Syariah boleh mengakibatkan penganiayaan mana-mana pihak yang terlibat, maka benarlah apa yang digambarkan oleh rakan penulis dalam ruangan ini yang menyebut:

“Andainya institusi kehakiman kita gagal melaksanakan tugasnya (iaitu tak berupaya memberi kata putus dalam satu jangka masa yang munasabah seperti yang diharapkan oleh litigan), tidak mustahil rakyat akhirnya hilang kepercayaan dan keyakinan terhadapnya”.

Apa yang sering berlaku adalah pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding tidak hadir untuk perbicaraan. Pihak yang dimaksudkan ini tidak kira samada plaintif (pihak yang menuntut) itu sendiri atau pihak defenden (pihak yang kena tuntutan). Lazimnya yang sering tidak menghadirkan diri adalah pihak defenden walaupun dalam sesetengah kes adalah sebaliknya.

Seksyen 121 Akta 1998 telah memperuntukkan keadaan di mana pihak-pihak yang dipanggil tidak hadir untuk pendengaran. Sekiranya tiada satu pihak pun hadir untuk pendengaran maka mahkamah boleh membuang kes tersebut. Dalam keadaan di mana pihak defenden tidak hadir dan terdapat bukti bahawa saman telah sempurna disampaikan, maka mahkamah akan mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadiran pihak defenden. Tetapi sekiranya plaintif yang tidak hadir maka mahkamah boleh membuang tindakan itu dan mendengar serta memutuskan apa-apa tuntutan balas. Bagaimanapun mahkamah atas budi bicaranya boleh memerintahkan penangguhan sekiranya pihak-pihak ini tidak hadir.

Sekiranya pihak yang bertikai memohon untuk menangguhkan kesnya lazimnya pihak-pihak tersebut hadir ke mahkamah dalam keadaan yang kurang bersedia. Umpamanya pihak-pihak tersebut tidak memfailkan penyata pembelaan dan sebagainya. Keadaan ini berlaku apabila pihak-pihak terlibat kurang pengetahuan tentang undang-undang dan prosedur mahkamah. Umpamanya tersalah borang untuk tuntutan cerai secara fasakh mahupun taklik. Ada juga kes di mana isteri tidak membuat pindaan seksyen sejurus apabila suami mengatakan tidak setuju dengan tuntutan isteri. Pindaan tersebut kadangkala difahami oleh mereka sebagai pembatalan. Oleh yang demikian proses akan menjadi lebih panjang dan isteri terpaksa melalui

tempoh-tempoh tersebut dalam keadaan di mana dia kurang maklumat tentang undang-undang dan prosedur.

Penangguhan akan berlaku apabila pihak-pihak bertikai tidak ada penyelesaian melalui rundingan. Biasanya perkara ini dibincangkan berdasarkan persetujuan dan mahkamah akan merekodkan persetujuan tersebut. Perundingan sebegini sangat baik sekurang-kurangnya perkara-perkara yang aib di antara suami dan isteri dapat dielakkan. Bagaimanapun sekiranya tidak ada persetujuan di antara kedua-duanya maka perbicaraan perlu diadakan agar mahkamah meneliti segala keterangan yang dinyatakan semasa perbicaraan sebelum kes tersebut diputuskan.

Penangguhan kes-kes memberi kesan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan mahkamah. Kaum wanita merupakan golongan yang paling ramai teraniaya kepentingan mereka akibat daripada penangguhan ini. Seorang ibu terpaksa berulang-alik hanya semata-mata untuk mendapatkan sejumlah nafkah untuk anaknya yang kadangkala amaun yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah dianggap tidak berbaloi berbanding dengan apa yang telah mereka lalui di Mahkamah Syariah. Keadaan menjadi lebih terbeban lagi apabila wanita yang mengemukakan permohonan tersebut seorang yang miskin, tidak bekerja dan dalam masa yang sama mendapat hak jagaan anak. Wanita tersebut terpaksa menghabiskan masa serta wang ringgit yang banyak bukan sahaja untuk tujuan ke mahkamah yang mana akhirnya mahkamah menangguhkan kes untuk beberapa kali sedangkan tanggungjawab menyara anak tersebut adalah pada bapa kanak-kanak tersebut.

Dalam hal ini satu formula yang khusus perlu diperkenalkan bagi mengira amaun yang sepatutnya dibayar kepada anak-anak. Formula ini hendaklah tidak mengenyepikan peruntukan undang-undang yang mengambil kira latar belakang kewangan bapa tersebut. Oleh yang demikian adalah lebih baik sekiranya peratusan tertentu daripada jumlah pendapatan bapa/suami ditetapkan bagi menyelesaikan kes sebegini. Ini bermakna pihak mahkamah mempunyai satu panduan yang minimum dengan mengambil kira kedua-dua faktor iaitu suasana di mana anak itu berada dan juga latar belakang kewangan suami. Bagi mengelakkan daripada tertanggunya kes sebegini walaupun mahkamah telah membenarkan permohonan perceraian, maka sebaiknya sejurus selepas terbubarinya perkahwinan, maka mahkamah secara automatik perlu mengeluarkan satu perintah nafkah anak sementara dengan menetapkan satu jumlah minimum. Kaedah ini sebenarnya dapat mengelakkan daripada ibu yang baru sahaja diceraikan suami untuk sekali lagi menfailkan tuntutan nafkah anak yang sekali lagi akan berlaku penangguhan atas sebab-sebab yang dijangkakan. Sekiranya mana-mana pihak tidak bersetuju dengan perintah sementara tersebut, maka permohonan boleh dikemukakan ke mahkamah.

LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN

Selepas pihak media membuat liputan bahawa ramai wanita merasa kecewa dengan proses keadilan di Mahkamah Syariah, banyak kajian-kajian khusus dijalankan terutama bagi mengenalpasti faktor-faktor perceraian. Setelah mengenalpasti punca masalah tersebut, pihak berkuasa khususnya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengambil langkah-langkah positif untuk mengembalikan imej yang tercalar. Kini beberapa langkah telah diusahakan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam mengurangkan kes-kes penangguhan di Mahkamah Syariah. Beberapa orang Pegawai Syariah dalam Gred L telah dilantik untuk menjadi Hakim di mana-mana mahkamah yang masih kekurangan Hakim. Hakim-hakim yang akan dilantik ini dilihat merupakan langkah dalam mengurangkan kes-kes tertangguh. Selain menambahkan Hakim-Hakim Syariah di Malaysia, struktur mahkamah juga perlulah diperkasakan juga. Sebagai contoh setiap mahkamah rendah di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang banyak seperti di Daerah Gombak Timur dan Kajang hendaklah mempunyai dua atau tiga dewan dalam sesuatu persidangan. Ini kerana lambakan kes-kes dapat diselesaikan dengan mudah. Hakim-hakim juga perlulah sentiasa diberikan latihan dari semua sudut agar kredibiliti Hakim Mahkamah Syariah tidak diperlekehkan. Melalui buletin JKSM yang hampir dikeluarkan setiap bulan, terdapat laporan mengenai pegawai-pegawai Syariah menghadiri pelbagai kursus, bengkel dan latihan bagi memantapkan kemahiran dan keupayaan dalam profession mereka. Ini termasuklah antaranya seperti Diskusi Perlaksanaan Perintah Bersaling (12-14 Ogos 2007); Bengkel tentang Hak kepada Perbicaraan Segera dan Adil Mahkamah Syariah: Ke Arah Penyelesaian yang Praktikal (12 April 2007); Muzakarah Pendakwa Syariah dan Peguam Syarie (20 April 2007); Bengkel Pemahaman Undang-undang Keterangan (23-26 April 2007); Bengkel Penulisan Teks Penghakiman (7-10 Mei 2007); Kursus Pengurusan Psikologi (21-24 Mei 2007); Muzakarah Penghakiman dan Etika Syariah (30 Mei-1 Jun 2007); Kursus Psikoterapi Kanak-kanak (25-27 Jun 2007); Diskusi Pengendalian Kes Rayuan (20-22 Jun 2007); Mesyuarat Penyelarasan Elaun, Kos, Fi Mahkamah Syariah (27 Jun 2007); Kursus Pengurusan Mediasi (1-6 September 2007), Kursus Pengurusan Sulh (21-23 Januari 2009); Kursus Pengurusan Mediasi (lanjutan) (30 Januari 2009); Kursus Seni Guaman (9-11 Februari 2009); Diskusi Pengendalian Kes ex-Parte dan Perintah Interim (4-6 Februari 2009) dan banyak lagi. Bahkan Jabatan Kehakiman Syariah telah mengendalikan dua projek penyelidikan dengan kerjasama penyelidik-penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penyelidikan yang

dijalankan adalah mengenai Tempoh Penyelesaian Kes-kes Pembubaran Perkahwinan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia (1998 sehingga 2002) yang telah selesai pada Jun 2005 dan Penyelidikan tentang Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah di Seluruh Malaysia (2001-2005).

Selain itu kaedah *ṣulh* dalam penyelesaian beberapa kes di Mahkamah Syariah telah diperkenalkan. Sebagai contohnya kaedah ini telah diperkenalkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor pada 1 Mei 2002. Kaedah *ṣulh* ini adalah berdasarkan kepada kuasa dalam seksyen 254 Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah Selangor, No. 7 tahun 1991 dan seterusnya mewartakan Kaedah-kaedah Tatacara Mal Sulh Selangor 2001 mengikut Warta Kerajaan Negeri Selangor Sel. P.U. 44 yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2001 dan mula beroperasi pada 1 Mei 2002.³⁷ Kelewatan tarikh permulaan operasi ini adalah bagi tujuan persiapan pengurusan, pentadbiran dan perlantikan pegawai. Matlamat pelaksanaan *ṣulh* adalah untuk mempercepatkan proses keadilan Mahkamah Syariah khususnya mengatasi lambakan kes-kes tertangguh di mahkamah.³⁸ Kes-kes dapat dipercepatkan kerana rundingan telah dibuat antara kedua-dua pihak yang terlibat. Kaedah ini juga sebagai langkah untuk mengelakkan pihak-pihak bertikai di dalam dewan mahkamah berkenaan dengan sesuatu tuntutan yang boleh dibincangkan secara mudah dan cepat tanpa perlu kepada perbincangan di hadapan Hakim. Keputusan persetujuan pihak-pihak yang terlibat juga akan diendorskan sebagai perintah mahkamah dengan mudah dan segera tanpa perdebatan di dalam mahkamah. Ketua Hakim Syarie Selangor pada tahun 2002 menyatakan 55 peratus kes yang didaftarkan di bawah kes *ṣulh* berjaya diselesaikan dalam tempoh tiga bulan.³⁹ Pihak JKSM juga perlulah memperkasakan kaedah *ṣulh* di Mahkamah Syariah ini dengan memberi bimbingan dan latihan yang mencukupi kepada pegawai *ṣulh*. Pengetahuan pegawai *ṣulh* juga bukanlah hanya tertumpu kepada kes-kes Syariah sahaja tetapi pengetahuan dalam mengawal emosi pihak-pihak yang bertikai agar pihak-pihak ini tidak terlalu emosi dalam perbincangan. Kaedah *ṣulh* juga dilihat sebagai langkah yang cukup berkesan dalam mengelakkan kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah. Dalam Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 pula, pemakaian *ṣulh* diperkemaskan dengan menetapkan bahawa

³⁷ Raihanah Azahari (2004), "Pelaksanaan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor Darul Ehsan (JAKESS): Satu Sorotan Awal", *Jurnal Syariah*, vol: 12 (2), h. 47.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Utusan Malaysia, "Mahkamah Syariah Selangor", 16 September 2002.

setelah kes didaftarkan hendaklah dalam tempoh tidak lebih dari 21 hari, kes tersebut dirujuk kepada Pengerusi Majlis Sulh bagi mengadakan sesi *ṣulh*/ penyelesaian damai. Sebarang persetujuan yang dicapai dicatat dan dibaca di hadapan pihak-pihak bertikai dan akan terus diperpanjangkan kepada Hakim untuk direkodkan sebagai Perintah Persetujuan Bersama.

Di samping itu, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mula mengeluarkan Arahan Amalan untuk dipakai secara pentadbiran di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Beberapa Arahan Amalan yang berkaitan dengan pendaftaran, pentadbiran dan pengendalian kes telah dikeluarkan bagi mengatasi isu kelewatan penyelesaian kes. Bagi mengelak tangguhan kes tanpa tarikh dan berlakunya kes-kes penangguhan, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2001 secara spesifik menyatakan bahawa sebarang penangguhan kes hanya dibenarkan atas alasan-alasan yang munasabah dan ianya hendaklah secara bertarikh untuk perbicaraan berikutnya. Ini bermakna mahkamah perlu teliti sebarang alasan penangguhan tersebut agar sebab-sebab penangguhan itu tidak memberi sebarang ketidakadilan kepada pihak-pihak yang bertikai. Bagi memastikan kes-kes dapat didengar secara maksimum, maka Arahan Amalan No. 5 Tahun 2001 telah menyelaraskan masa bersidang mahkamah. Masa bersidang bermula jam 9-11 pagi dan berhenti rehat selama 15 minit dan diteruskan sehingga jam 12.30 tengahari. Di sebelah petang pula, mahkamah mula bersidang dari jam 2.15-4.00 petang. Tempoh masa yang ditetapkan bagi memberi masa yang panjang kepada mahkamah untuk mendengar dan menyelesaikan kes. Selain dari itu, Arahan Amalan No. 12 Tahun 2007, menyatakan bahawa pendaftaran kes secara dalam talian (*online*) boleh dibuat dan diterima oleh mahkamah setelah segala tatacara asas pendaftaran dipatuhi termasuk bayaran yang ditetapkan oleh mahkamah. Berdasarkan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2001, had masa sebutan dan perbicaraan telah ditetapkan. Sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat dalam tempoh masa 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes adalah 30 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar. Manakala dalam Arahan Amalan No. 14 Tahun 2003, menyatakan tentang penyegeraan pendengaran rayuan kes-kes perceraian yang perlu didengar dan diselesaikan dalam tempoh 6 bulan selepas rekod telah disempurnakan di Pejabat Pendaftaran. Bagi memastikan bahawa permohonan penangguhan kes atas alasan sakit tidak dibuat secara sewenang-wenang, Arahan Amalan No. 3 Tahun 2004 menyatakan bahawa pengemukaan sijil cuti sakit bukanlah syarat mutlak bagi permohonan penangguhan kes. Penerimaan sesuatu sijil cuti sakit tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Pihak-pihak peguam Syarie juga memainkan peranan penting dalam mengelakkan kes-kes yang tertunggak di Mahkamah Syariah. Melihat kepada objektif utama peguam Syarie adalah sebagai pembantu kepada Hakim dalam membuat keputusan dengan tepat dan adil. Lantikan peguam Syarie bukanlah hanya bermotifkan kepada kewangan semata-mata tetapi pemudah cara dalam prosiding mahkamah. Peguam Syarie perlulah menepati setiap prosiding yang dibuat oleh mahkamah dengan cepat dan sempurna agar proses mahkamah berjalan dengan lancar. Selain itu wakil kepada pihak-pihak yang bertikai ini perlulah sentiasa menasihati anak guam dengan langkah-langkah yang diambil mengikut undang-undang dan hukum syarak agar anak guam mengetahui tanggungjawab yang dipikul semasa prosiding mahkamah dijalankan.

Pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah negeri telah mengadakan program Mahabbah yang telah dijalankan sejak tahun 2006. Program ini telah dijalankan hampir di seluruh negeri di Malaysia dan ia mendapat sambutan yang positif dari masyarakat setempat untuk mengetahui lebih mendalam tentang isu-isu perundangan Syariah. Program ini merupakan satu platform kepada JKSM untuk mendekati masyarakat dan berinteraksi secara langsung dalam isu-isu berkaitan dengan perundangan Syariah dan mahkamah. Ini termasuklah memberi kesedaran dan pengetahuan kepada orang ramai tentang prosedur Mahkamah Syariah terutama dari segi persiapan untuk pemfailan dan perbicaraan. Program Mahabbah juga merupakan salah satu dari cadangan daripada penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan Tempoh Penyelesaian Kes-kes Pembubaran Perkahwinan di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia (1998 sehingga 2002). Cadangan tersebut adalah supaya mengadakan *roadshow* kepada kumpulan sasar dengan kerjasama dari beberapa NGO.⁴⁰

KESIMPULAN

Kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan menunjukkan bahawa penangguhan kes ke satu tarikh yang lain merupakan sebahagian dari proses perbicaraan mahkamah. Ia berlaku di mana-mana mahkamah, samada Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Sivil. Apa yang menjadi isu adalah apabila penangguhan tersebut memberi kesan negatif dari segi kos dan emosi terutama wanita yang hadir ke mahkamah untuk mendapatkan hak mereka.

⁴⁰ Laporan Tahunan 2005, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, h. 56.

Penangguhan kes-kes di Mahkamah Syariah banyak bergantung kepada beberapa faktor dalaman dan luaran. Memetik kenyataan salah seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Wilayah Persekutuan bahawa adalah tidak wajar menyalahkan Mahkamah Syariah sebagai punca utama berlakunya penangguhan kes.⁴¹ Hakim Syarie tersebut mengesyorkan agar wanita mempertingkatkan pengetahuan tentang undang-undang terutama sekali yang berkaitan dengan hak-hak mereka. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak mahkamah untuk mengurangkan kes-kes tertangguh ini. Ternyata di sini bahawa Mahkamah Syariah telah memberi suatu reaksi yang positif terhadap kekecewaan orang ramai dalam isu ini dan dengan ini dapat mengembalikan imej Mahkamah Syariah sebagai institusi yang membantu dan menegakkan keadilan. Nampaknya paparan media berkaitan dengan kelemahan dan kritikan terhadap institusi kehakiman Islam di Malaysia pada suatu ketika dahulu telah diterima secara terbuka dan melihat laporan akhbar tersebut sebagai satu cabaran kepada institusi kehakiman Islam di Malaysia. Apa yang penting adalah media perlu bersama-sama membantu memartabatkan institusi kehakiman Islam di Malaysia terutama dengan memaparkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Mahkamah Syariah dalam menegakkan prinsip keadilan dan juga memperbanyakkan penyebaran maklumat untuk membantu program literasi undang-undang. Kini, kritikan terhadap Mahkamah Syariah sebagai *“the syariah itself becomes a hodge-podge of random rulings, finicky producers and non-uniform management”* tidak lagi menjadi agenda dalam media dan juga masyarakat umum.

RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang (2003), “Faktor-faktor Penangguhan Kes-kes Mal di Mahkamah Syariah di Malaysia Berasaskan kepada Fail-fail Kes Mahkamah”, Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Projek Keberkesanan Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur, 21 Oktober 2003.
- Maznah Mohamed (1999), “Di Mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam”, dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN*, Kuala Lumpur: IKIM.

⁴¹ Utusan Malaysia, “Kes Tertangguh Jangan Salahkan Mahkamah Syariah”, 19 Jun 2002.

- Maznah Mohamad (2000), "Islamic Family Law Reforms In Malaysia: Problems And Prospects For Women's Empowerment", dalam Maznah Mohamad (ed.), *Muslim Women And Access To Justice: Historical, Legal And Social Experience In Malaysia* Penang: Women's Crisis Centre.
- Nik Roslini bt Raja Ismail (1999), "Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa yang diambil untuk Menyelesaikan Kes-kes berhubung Perceraian serta Keckerapan Penangguhan Kes di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil," Modul Praktikum, Diploma Pengurusan Awam, INTAN.
- Noor Aziah Mohd. Awal (2001), "Divorce In Accordance With Islamic Law In Malaysia: Law And Practice", *IKIM Law Journal*, Vol. 5 No. 2.
- Raihanah Abdullah (1997), "Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh", *Jurnal Syariah*, 5(1): 51-62.
- Raihanah Abdullah (2001), "Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah" dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers.
- Raihanah Abdullah (2006), "An Analysis of the Current Legal Mechanism in Curbing Abuse of Polygamy in Malaysia: A Socio-legal Perspective", *Tesis PhD*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Raihanah Abdullah (2007), "Beberapa Masalah dalam Pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia", *SYARIAH: Jurnal Ilmu Hukum*, IAIN, Antasari, Banjarmasin, 1(7), 76-89 .
- Raihanah Azahari (2004), "Pelaksanaan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor Darul Ehsan (JAKESS): Satu Sorotan Awal", *Jurnal Syariah*, vol: 12 (2), 43-78.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan (1986), "Women, Divorce And Islam In Kedah". *Sojourn*, 1 (2), 183-198.
- Sisters in Islam (1999), *Laporan Hasil Kajian Kes: Pengalaman Wanita dalam Prosiding Mahkamah Syariah (Dengan Tumpuan Utama Kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor)*.
- Zaleha Kamarudin (1999), "Delays in Disposition of Matrimonial Cases in the Shariah Courts in Malaysia (1990-1997)", *IIUM Law Journal*, vol.7, No. 1, 95-134.
- Zaleha Kamaruddin (2001), "Wanita dan Kelewatan Kes di Mahkamah Syariah: Antara Persepsi dan Realiti", dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers.

AKTA

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998.

KES

Abdul Hanif lawan Rabiah (1996)11 JH 47.

[2008]1 ShLR 85.

JH Jld xii,(II), 231.

Jurnal Syariah 8:2 (2000), 155-160.

AKHBAR

New Straits Times, “Consistency Needed in Syariah Court”, 19 Disember 1999.

New Straits Times, “Syariah Court Officers Need More Exposure, Say Anwar, Bias Against Women Must Stop”, 26 Ogos 1996.

Utusan Malaysia, “Imej Mahkamah Syariah di Malaysia”, 30 Julai 1996.

Utusan Malaysia, “Kelemahan Institusi Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor Dikaji”, 14 September 2002.

Utusan Malaysia, “Kes Tertangguh Tangani Dengan Bijak”, 20 Ogos 2002.

Utusan Malaysia, “Kes Tertangguh Jangan Salahkan Mahkamah Syariah”, 19 Jun 2002.

Utusan Malaysia, “Lewat Selesai Kes...Bebankan Wanita”, 17 Jun 2002.

Utusan Malaysia, “Mahkamah Keluarga...Mampukah Atasi Masalah Kes Tertungak”, 17 April 2000.

Utusan Malaysia, “Mahkamah Syariah Selangor”, 16 September 2002.

